

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab Al-Muqaddimah. *Idealogy*, 2(1) : 26-35, 2017

Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab Al-Muqaddimah

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar
32610 Seri Iskandar
Perak, Malaysia

mohdz506@perak.uitm.edu.my

Abstrak.

Ibnu Khaldun (1332-1406 M) merupakan seorang tokoh sejarawan dan pemikir Islam berkaitan ilmu sosiologi, politik, ekonomi dan pendidikan yang terkenal sehingga ke hari ini. Karyanya *al-Muqaddimah* diakui sebagai karya ulung oleh para sarjana dan menjadi sumber kajian serta rujukan sehingga ke hari ini. Objektif kajian ini ialah :

Menjelaskan kaedah pendidikan yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun berdasarkan karyanya *al-Muqaddimah*

Menjelaskan kepentingan kaedah pendidikan yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun kepada para pendidik kini

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif sepenuhnya iaitu dengan menggunakan analisis terhadap dokumen-dokumen seperti buku, jurnal dan tesis akademik. Kajian ini mendapati bahawa kaedah-kaedah pendidikan yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun di dalam kitab *al-Muqaddimah* sememangnya bermanfaat untuk diamalkan serta diperlakukan pada masa kini oleh para pendidik di seluruh institusi pendidikan Islam. Walaupun beliau terkenal dalam bidang sosiologi dan sejarah, namun sumbangan ideanya dalam aspek-aspek keilmuan lain seperti ilmu pendidikan tidak wajar dinafikan kerana terbukti kaedah-kaedah pendidikan yang dikemukakan oleh beliau ternyata penting dalam pendidikan terutamanya pendidikan Islam.

Kata Kunci : Ibnu Khaldun, *al-Muqaddimah*, Kaedah, Pendidikan

PENDAHULUAN

Pendidikan yang komprehensif merupakan aspek yang sangat penting dan tunjang dalam pembinaan peradaban dan tamadun Islam sebagaimana tercatat dalam sejarah. Islam mengangkat ketinggian ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui pendidikan kerana dengan ilmu tersebut ianya dapat membezakan antara manusia dan makhluk lain (Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Nor Adina Abd Kadir 2005 h. 29). Dalam sejarah Islam, Rasullullah SAW merupakan tokoh pendidik yang ulung yang telah mempraktikkan kemahiran pedagogi dalam aspek dakwah dan pengajaran baginda terutama terhadap para sahabat RA (Noornajihan Jaafar & Abd Halim Tamuri 2012 h. 4). Sejajar dengan perkembangan zaman, idea-idea berkaitan kaedah-kaedah pendidikan telah dikembangkan,dikhususkan serta dikemukakan oleh para sarjana terkemudian seperti Imam al-Ghazali (1058-1111 M), al-Qabisi (935-1012 M) dan Ibnu Khaldun (1332-1406 M). Idea-idea ini dikemukakan bertujuan untuk penambahbaikan dan saranan supaya aspek pendidikan menjadi lebih berkesan dan berupaya untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti dan menguasai ilmu-ilmu yang dipelajari melalui kaedah-kaedah tertentu. Definisi kaedah pendidikan dapat disimpulkan sebagai teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan kepada para pelajar untuk menjelaskan isi kandungan pelajaran atau ilmu yang mencakupi roh, akal dan jasmani (Ghazali Darussalam 2001 h. 226).

BIODATA RINGKAS IBNU KHALDUN

Ibnu Khaldun (1332-1406 M) telah diakui sebagai seorang tokoh sejarawan dan pemikir Islam dalam bidang-bidang seperti politik, sosial, ekonomi dan pendidikan oleh golongan ilmuan di sepanjang zaman. Idealisma yang telah dikemukakan oleh beliau terutama dalam bidang sosiologi dan teori perubahan sosial masih lagi dikaji sehingga kini (Mohammad Kamil Abdul Majid & Mohd Fauzi Hamat 2005 h. 138). Nama beliau ialah Wali al-Din Abd Rahman bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammed bin al-Hasan bin Jabir bin Muhammed bin Ibrahim bin Abd Rahman ibni Khaldun (1332-1406 M). Beliau merupakan seorang ahli penulisan sejarah dan ahli sejarah Arab abad ke 14 M serta telah diiktiraf sebagai pengasas kajian sejarah moden, sosiologi dan ekonomi. Beliau dilahirkan di Tunisia pada bulan Ramadan 732 H (27 Mei 1332 M) dan berasal dari sebuah keluarga Andalusia yang berhijrah ke Tunisia pada pertengahan abad ke 7 M (Mohammad Abdullah Enan 2014 h. V-6). Beliau meninggal dunia di Kaherah, Mesir pada tahun 808 H /1406 M semasa berusia 76 tahun dan dikebumikan oleh para sufi di luar Bab al-Nasr di Kaherah (Syahrul Riza Hamzah 2010 hh. 84 & 90).

Selain terkenal sebagai ilmuan, Ibnu Khaldun juga telah terlibat sebagai ahli politik di beberapa tempat seperti di Tunisia, Maghribi, Andalus serta di Timur Tengah. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah sebagai duta besar, menteri dan ahli majlis penasihat sultan (Samsinas 2009 h. 332).

Ibnu Khaldun telah menghasilkan karyanya yang pertama iaitu *al-Ibar*. Kitab *al-Muqaddimah* merupakan jilid pertama kitab *al-Ibar* yang mengandungi tujuh jilid semuanya. Terdapat pandangan mengatakan kitab *al-Muqaddimah* telah selesai ditulis oleh Ibnu Khaldun pada bulan November 1377 M (Abdul Qayyum Abdul Razak, Noorsafuan Che Noh, Wan Kamal Mujani, Napisah Karimah Ismail & Ezad Azraai Jamsari 2009 h. 470). Ketokohan beliau sebagai ilmuan Islam yang

masyhur di seluruh dunia adalah melalui kitab *al-Muqaddimah*. Ketinggian pemikiran dan keilmuan Ibnu Khaldun dalam kitab tersebut telah diiktiraf oleh sarjana Muslim dan juga sarjana Barat. Kitab tersebut merupakan kemuncak karya pemikiran dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan serta mempunyai huraian yang jelas terutama berkenaan hukum-hukum yang berkaitan dengan ilmu sains sosial atau sosiologi (Syahrul Riza Hamzah 2010 h. 98).

PANDANGAN IBNU KHALDUN BERKENAAN KAEDEAH PENDIDIKAN DALAM KITAB *AL-MUQADDIMAH*

Ibnu Khaldun telah menyebut dalam karyanya berkenaan kaedah yang perlu digunakan oleh para guru dalam pendidikan Bahasa Arab dan tidak membincangkan kaedah-kaedah umum dalam sesuatu disiplin ilmu. Namun, kaedah dan langkah yang perlu digunakan dalam pengajian umum boleh dilakukan dengan mengambil pendekatan yang telah dikemukakan oleh beliau kerana kaedah-kaedah yang diberikan amat menarik serta dibincangkan dengan terperinci untuk diaplikasikan dalam pendidikan. Antara kaedah pendidikan yang telah dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dalam penulisan beliau adalah sebagaimana berikut :

- *Talqin* (Pandang Dengar)

Menurut Ibnu Khaldun, kaedah ini dapat difahami dengan guru mengarahkan pelajar untuk menghafal sesuatu pelajaran terlebih dahulu. Contohnya dalam pengajian al-Quran, pelajar atau kanak-kanak mesti menghafal sesuatu ayat al-Quran sebelum mereka diajar intipati yang terkandung di dalam al-Quran (Abd Munir Bin Mohamed Noh 2010 h. 78). Al-Quran merupakan pengajian yang terpenting dalam peringkat pengajian pertama. Justeru itu, kanak-kanak atau pelajar diwajibkan untuk menghafal al-Quran dan perkara-perkara yang disampaikan kepadanya (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar) 1994 h. 103). Ibnu Khaldun mengatakan bahawa apabila pelajar telah memahami dan menguasai sesuatu ilmu walaupun menghadapi sedikit kerumitan, maka mereka akan diberi kemudahan untuk menghafal sesuatu pengetahuan. Ibnu Khaldun mengatakan :

“ Ianya melibatkan banyak daya usaha yang perlu dilakukan oleh pelajar.....Untuk memahaminya banyak waktu yang digunakan...walaupun begitu, setelah bersusah payah sifat-sifat kesarjanaan yang mungkin dicapai daripada buku-buku yang ringkas...kedua-duanya berguna untuk mendapat kebiasaan yang sempurna...usaha meringkaskan itu bermaksud menyenangkan para pelajar menghafal pengetahuan...” (Ibnu Khaldun 2002 hh. 762-763) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684)

- *Tadrij* (Pengajaran Secara Berperingkat dan Beransur-Ansur)

Ibnu Khaldun berpandangan bahawa kaedah pendidikan secara beransur-ansur merupakan kaedah yang sangat berkesan dalam memberi kefahaman kepada anak-anak semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Menurut Ibnu Khaldun :

“Sesuatu yang harus kita ketahui bahawa pengajaran ilmu pengetahuan kepada para pelajar hanya akan dapat dirasakan

berkesan apabila ianya dilakukan secara beransur-ansur, sedikit demi sedikit” (Ibnu Khaldun 2002 h. 763) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684)

Abdul Munir Mohamed Noh (2010) berpendapat bahawa Ibnu Khaldun sangat berpegang kepada kaedah pengajaran secara *tadrij* berdasarkan kenyataan tersebut. Ini memandangkan para pelajar yang dihasilkan daripada kaedah ini akan mampu menguasai sepenuhnya pelajaran dan menjadi ahli ilmu yang mantap (Abd Munir Bin Mohamed Noh 2010 h. 80).

Menurut Ibnu Khaldun, terdapat tiga langkah pengajaran yang perlu dilakukan oleh guru berdasarkan kaedah pendidikan ini iaitu :

a) Guru akan memaparkan kepada para pelajar berkenaan masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab kepada cabang-cabang ilmu tertentu. Guru juga akan melakukan huraihan ringkas mengenai tajuk tersebut semasa pengajaran dengan tujuan untuk mengenalpasti kemampuan akal dan persediaan pelajar dalam menerima pengajaran. Dengan ini, pelajar akan dapat membiasakan diri dengan disiplin ilmu yang diajar kepadanya (Ibnu Khaldun 2002 h. 763) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684)

b) Guru akan mengajar para pelajar pada peringkat yang lebih tinggi. Pada peringkat ini, guru tidak akan memberi penjelasan secara sepintas lalu sahaja tetapi membuat penjelasan dan huraihan secara menyeluruh. Guru juga akan membuat kaitan pelajaran dengan keadaan semasa yang selari atau bertentangan dengan tajuk yang diajar. Oleh itu, daya pemikiran dan keintelikualan para pelajar akan dapat ditingkatkan (Ibnu Khaldun 2002 hh. 763-764) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684).

c) Ia merupakan langkah pengukuhan dan pemantapan dengan proses perbincangan yang lebih berasas. Menurut Ibnu Khaldun :

“ Guru terus membimbing para pelajarnya, kali ini suatu perbincangan yang lebih berasas. Dia guru tidak akan membiarkan (pelajarnya) apa yang dianggap merumitkan,kabur atau terlindung tidak dijelaskan, semuanya (soalan yang ditanya oleh pelajar) harus dijelaskan secara terbuka kepada pelajar. Kesan daripada itu apabila dia selesai membicarakan disiplin itu, para pelajar telah mencapai tahap keahlian yang boleh dibanggakan (Ibnu Khaldun 2002 h. 764) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684).

- Pengajaran yang Fokus

Melalui kaedah ini, guru akan menyatakan tajuk yang jelas kepada murid dan guru tidak akan mengajar dua disiplin ilmu sekaligus dalam sesi pengajaran. Perkara ini memandangkan sekiranya dua disiplin ilmu sekaligus diberikan oleh guru akan memberikan bebanan dan kesukaran kepada pelajar kerana terpaksa memikirkan dua masalah pada masa yang sama. Ibnu Khaldun berkata bahawa :

“Suatu cara dan metod yang harus dilaksanakan dalam pengajaran adalah meniadakan cara yang membingungkan murid, misalnya dengan tidak mengajarkan dua cabang ilmu pengetahuan secara sekaligus. Sebab dengan cara itu murid akan mendapat kesukaran dalam menguasai salah satu daripada kedua disiplin ilmu tersebut

kerana pada waktu itu perhatian murid akan terbahagi dan terganggu oleh satu dari yang lainnya. Sekiranya fikirannya bebas untuk mempelajari sesuatu yang diminatinya, ia dapat membatasi diri sepenuhnya padanya, dan cara demikian adalah lebih sesuai untuk menyerap ilmu yang diinginkan” (Ibnu Khaldun 2002 h. 766) (Ibnu Khaldun 2004 h. 685).

Ibnu Khaldun telah memberi komentar terhadap guru-guru yang memulakan pengajaran dengan permasalahan yang kabur kepada pelajar. Ini memandangkan para pelajar terpaksa menjana pemikiran bagi menyelesaikan masalah dalam pelajaran yang diajar. Walaupun para guru menganggap cara ini merupakan latihan yang praktikal dalam sesi pengajian, namun sebenarnya guru telah mengelirukan para pelajar dengan memberikan bahagian-bahagian pelajaran yang mendalam sedangkan para pelajar tidak lagi mengetahui berkenaan perkara-perkara yang asas dalam pelajaran tersebut (Ibnu Khaldun 2002 h. 764) (Ibnu Khaldun 2004 hh. 684-685).

Ibnu Khaldun juga menyatakan bahawa sesuatu ilmu pengetahuan akan dapat dikuasai dan dihayati oleh pelajar apabila mereka diberi kebebasan untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran yang diminati. Para guru tidak seharusnya menuntut sesuatu yang melebihi daya kemampuan muridnya daripada aspek kefahaman dan penguasaan sesuatu pelajaran berdasarkan tahap umur dan kesediaan pelajar dalam menguasai pelajaran. Guru juga tidak perlu menimbulkan permasalahan yang tidak ada dalam buku sehingga para pelajar dapat memahami keseluruhan pelajaran. Apabila pelajat telah mengembangkan keinginannya untuk mengetahui sesuatu disiplin ilmu, maka pelajar tersebut akan meningkatkan minatnya dengan lebih tinggi dan berusaha untuk menguasai dan mencapai ilmu tersebut sehingga menguasai keseluruhan ilmu. Namun, apabila pelajar dikelirukan dalam pengajiannya, maka pelajar tidak akan dapat memahami sesuatu ilmu dan kesannya pemikiran pelajar tersebut tumpul, tidak sanggup bekerja dan akan mudah putus asa sehingga menyisihkan ilmu yang sedang dipelajari (Ibnu Khaldun 2002 h. 765) (Ibnu Khaldun 2004 h. 685).

- *Mubakah atau Taklid (Peniruan)*

Ibnu Khaldun juga menganggap kaedah ini antara kaedah yang penting dalam pengajaran dan antara kaedah yang berjaya dan memberi kesan dalam pengajian. *Mubakah* atau *Taklid* bermaksud peniruan atau lakonan semula, iaitu kanak-kanak atau pelajar akan memindahkan apa yang dilihat melalui pancaindera penglihatan kepada perlakuan atau tingkah laku berdasarkan maklumat yang diperolehi (Abd Munir Bin Mohamed Noh 2010 h. 82). Umumnya, para guru dan ibu bapa hendaklah menunjukkan tingkah laku dan contoh yang baik kepada anak-anak kerana perbuatan mereka akan menjadi ikutan anak-anak tersebut. Ini memandangkan kadang-kadang Allah SWT mempermudahkan manusia memperolehi ilmu dalam jangkamasa yang singkat apabila manusia berpegang kepada amalan para guru, ibu bapa dan tua. Mereka yang tidak berpegang kepada unsur-unsur tersebut antaranya akan mengalami keperitan dalam kehidupannya serta memperolehi ilmu yang tidak bermanfaat sehingga perlakuan dan kehidupannya menjadi rosak (Ibnu Khaldun 2002 hh. 530-531).

Abdullah al-Amin Na'mi (1994) mengatakan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun ini memberi gambaran perbezaan antara manusia dan binatang dalam memberikan pengalaman, iaitu manusia akan mendapat faedah dalam kehidupan melalui pengalaman yang dihadapi oleh orang-orang sebelumnya. Manusia akan

menggunakan akal untuk menilai setiap perbuatan yang dilalui dan tidak mengulangi percubaan yang sama yang dilakukan oleh manusia lain untuk mendapat pengalaman. Perkara ini berbeza dengan binatang yang perlu mengulangi perbuatan yang dilakukan oleh binatang lain sepanjang hidupnya. Perbandingan ini memberikan ruang kepada manusia dalam memungkinkan mereka memindahkan warisan kebudayaan dan sosial oleh generasi terdahulu kepada generasi baru sehingga kehidupan manusia berterusan serta diperbaharui dalam corak kemasyarakatan (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar) 1994 h. 104).

- *Tajribah* (Percubaan)

Ibnu Khaldun juga telah mengemukakan kaedah *tajribah* sebagai salah satu kaedah pendidikan yang penting dalam pemindahan ilmu dan *makrifah*. Beliau mengatakan bahawa *tajribah* atau percubaan berkait rapat dengan pengalaman dan penyaksian yang kedua-duanya berkaitan dengan pancaindera (Ibnu Khaldun 2002 h. 530).

Ibnu Khaldun juga mengatakan bahawa seseorang pemerhati tidak akan mendapat atau mencapai sesuatu objektif dengan hanya melakukan pemerhatian namun ianya boleh mencapai objektif tersebut dengan percubaan. Dengan percubaan, maka para pelajar akan dapat mengambil manfaat pengetahuan kerana mereka dapat mengalami secara langsung perkara-perkara yang ingin diketahui. Mereka juga akan mengetahui kebenaran dan kepaluan secara nyata dan para pelajar akan dapat memperolehi sesuatu ilmu dengan percubaan yang dilakukan oleh pancaindera (Ibnu Khaldun 2002 h. 530).

Ibnu Khaldun juga telah menyebut tentang kepentingan deria manusia sebagai asas dalam setiap pengajian khususnya pengajian yang berbentuk teori dan meningkatkan potensi akal dalam aspek pemikiran. Oleh itu, beliau mengatakan bahawa asas kepada pengajaran dan pengalaman yang melibatkan kaedah percubaan ialah deria yang sihat. Pengalaman-pengalaman yang terbentuk daripada rangsangan deria ini secara umumnya akan membawa kepada pengajaran yang lebih berkesan (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar) 1994 h. 105).

- *Al-Tikrar* (Pengulangan)

Antara pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dibawa oleh Ibnu Khaldun ialah pengulangan iaitu kadang-kadang para pelajar tidak memahami sesuatu pembelajaran pada peringkat pertama atau kedua. Oleh itu, guru disyorkan supaya mengulangi semula pengajian tersebut sehingga para pelajar dapat memahaminya (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar) 1994 h. 105). Persediaan pada ilmu tersebut dilakukan secara beransur-ansur iaitu melalui tiga peringkat, justeru itu sebaik-baik pengulangan hendaklah dilakukan sebanyak tiga kali. Ibnu Khaldun mengatakan :

“Sebagaimana seseorang dapat menyaksikan, ia menghendaki tiga kali pengulangan. Beberapa pelajar dapat membebaskan dirinya sekadar kemampuannya, bergantung kepada keterampilan dan kecerdasan pelajar itu” (Ibnu Khaldun 2002 h. 764) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684)

Langkah ini bertujuan supaya para pelajar dapat memahami penjelasan yang diberikan oleh guru dengan baik dan tepat serta menambah kefahaman mereka dalam sesuatu disiplin ilmu yang dipelajari (Abd Munir Bin Mohamed Noh 2010

h. 86). Guru juga disyorkan supaya tidak memindahkan pengajian kepada tajuk yang lain apabila pelajarnya tidak dapat menguasai sesuatu disiplin ilmu yang diajar. Ilmu tersebut pada diri pelajar seolah-olah bebanan. Maka, sekiranya mereka masih belum menguasai sesuatu ilmu malahan diajar pula kepada satu ilmu yang lain akan menyebabkan mereka berasa terbeban dengan perkara atau tugas yang baru (Ibnu Khaldun 2002 h. 764) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684).

- Tidak Mengambil Masa yang Lama

Ibnu Khaldun juga telah memberi pandangan bahawa seseorang guru tidak menggunakan masa dan memberikan waktu rehat yang terlalu lama dalam pengajaran sesuatu ilmu atau permasalahan. Ini akan menyebabkan para pelajar akan mudah lupa dan mengabaikan apa yang dipelajarinya dengan perkara-perkara lain yang dihadapinya. Gangguan-gangguan yang berlaku akan menyukarkan seseorang pelajar untuk mendapatkan serta menguasai sesuatu ilmu pengetahuan. Ini kerana apabila seluruh permasalahan berada dalam minda para pelajar maka kefahaman dan penerimaan para pelajar akan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Ibnu Khaldun mengatakan:

“ ...Adalah harus dipentingkan juga oleh guru agar tidak menggunakan masa terlalu lama mengajar satu ilmu atau masalah istirehat di antara sesi dan waktu rehat terlalu lama. Ini akan menyebabkan si pelajar mengalami sifat pelupa dan memutuskan pertalian di antara masalah lainnya, ilmu yang sedang dipelajari. Gangguan-gangguan seperti itu akan mempersukarkan lagi perolehan keahlian sesuatu ilmu sebab apabila seluruh isi permasalahan sejak permulaan sampai akhir tercerap dalam fikiran dan tercamkan maka pelbagai keahlian akan lebih mudah dicapai dan lebih mantap kerana diperoleh melalui pengulangan-pengulangan tindakan dan kaji lanjutan ...”(Ibnu Khaldun 2002 h. 765) (Ibnu Khaldun 2004 h. 684).

- Tidak Menggunakan Kekerasan

Ibnu Khaldun melihat bahawa pendidikan bukan sahaja memberi dan menerima ilmu semata-mata, tetapi juga sebagai satu usaha untuk membentuk akhlak dan keperibadian pelajar. Beliau telah mengemukakan pandangan secara langsung untuk panduan dan pedoman kepada guru berkenaan hukuman dan tindakan yang perlu dilakukan kepada pelajar yang melakukan kesalahan supaya pendidikan menjadi lebih sempurna.

Ibnu Khaldun berpandangan bahawa seseorang guru tidak seharusnya menggunakan kekerasan terhadap kesalahan pelajarnya kerana kekerasan akan merosakkan mereka dan sangat merbahaya terutama kepada anak-anak yang masih kecil. Tindakan-tindakan dalam bentuk kekerasan boleh menyebabkan kebiasaan yang buruk dikalangan para pelajar. Beliau mengatakan pelajar yang dibesarkan dalam suasana kekerasan dan ketidakadilan akan menyebabkan mereka berasa tertekan dan kehilangan tenaga sehingga mereka akan menjadi malas dan mendorong mereka melakukan pembohongan. Tindakan yang dibuat berbeza dengan apa yang difikirkan dan dibuat kerana mereka berasa takut kepada hukuman yang akan diterima sekiranya berkata benar yang menyebabkan mereka menipu dan sering melakukan helah untuk mengelakkan hukuman. Perkara ini akhirnya akan menjadi kebiasaan kepada para pelajar yang menyebabkan

kehilangan nilai-nilai yang sepatutnya diamalkan dalam perhubungan sosial (Ibnu Khaldun 2002 h. 776) (Ibnu Khaldun 2004 h. 692).

Ibnu Khaldun telah memberi contoh kaum Yahudi yang memiliki sikap dan peribadi buruk iaitu ketidakjujuran dan melakukan tipu muslihat kesan daripada kekerasan, kezaliman dan ketidakadilan. Oleh itu, Ibnu Khaldun telah menyarankan kepada para guru supaya tidak melakukan kekasaran dan paksaan kepada para pelajar termasuk juga sikap seorang ayah dalam mendidik anak-anak (Ibnu Khaldun 2002 h. 777) (Ibnu Khaldun 2004 h. 692).

- Pengembaraan (*Rihlah*)

Ibnu Khaldun telah menyarankan pengembaraan atau *rihlah* sebagai kaedah pendidikan yang perlu diperaktikkan. Ini memandangkan seseorang manusia akan dapat mempelajari ilmu pengetahuan, budi pekerti, nilai-nilai pemikiran sama ada baik atau buruk melalui kajian, pengajaran, syarahan dan mengikut keperibadian seseorang guru yang didekati. Hubungan rapat yang dijalankan dengan seseorang guru lazimnya akan memberi pengaruh yang besar dan lebih kukuh dalam pembentukan ilmu seseorang. Apabila seseorang individu mempelajari ilmu daripada guru yang ramai maka ilmu yang diperolehi semakin mendalam dan meningkatkan tahap kesarjanaan mereka (Ibnu Khaldun 2002 h. 778) (Ibnu Khaldun 2004 h. 693). Dengan mempelajari ilmu pengetahuan daripada guru yang ramai, seseorang individu juga dapat membezakan sesuatu pandangan, mengenali ilmu tersebut dengan lebih mendalam serta meningkatkan lagi tahap penguasaannya dalam ilmu tersebut. Selain itu, mereka juga dapat memperbaiki kekurangan ilmu yang ada dan dapat membezakan dengan lapangan ilmu yang berlainan (Ibnu Khaldun 2002 h. 778) (Ibnu Khaldun 2004 h. 693). Rumusannya, Ibnu Khaldun mengatakan :

“Maka mengembara mencari ilmu merupakan satu keharusan memperolehi pengetahuan yang bermanfaat dan ke arah kesempurnaan berilmu melalui bersemuka dengan para guru yang terkemuka dan mewujudkan hubungan peribadi dengan orang-orang yang berpengetahuan” (Ibnu Khaldun 2002 h. 779) (Ibnu Khaldun 2004 h. 693).

KESIMPULAN

Ibnu Khaldun merupakan seorang sarjana yang telah menyumbang kepada aspek pendidikan walaupun beliau terkenal sebagai ahli sosiologi dan juga sejarah. Pandangannya berkenaan pendidikan antaranya adalah hasil pengalamannya dalam menuntut ilmu pengetahuan sehingga menjadi seorang ilmuan dan sarjana yang disegani. Kitab *al-Muqaddimah* merupakan sebuah karya ulung yang menjadi sumber rujukan yang penting sehingga ke hari ini dan diterjemahkan dalam pelbagai bahasa untuk memudahkan kefahaman pembacanya.

Sebenarnya banyak lagi aspek-aspek penting berkaitan pendidikan dan keilmuan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun tidak disentuh dalam artikel ini. Artikel ini hanya membincangkan sebahagian sahaja aspek pendidikan yang disarankan oleh beliau iaitu berkaitan kaedah-kaedah pendidikan yang perlu diperaktikkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah-kaedah ini masih lagi relevan dan amat baik untuk diperaktikkan dalam institusi-institusi pendidikan Islam kini sebagai satu pedagogi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lanjut amatlah diharapkan dalam mendedahkan aspek-aspek pemikiran Ibnu Khaldun dalam

kitab *al-Muqaddimah* antaranya berkenaan konsep dan bidang-bidang ilmu dalam pendidikan.

BIBLIOGRAFI

- Abd Munir Bin Mohamed Noh (2010), *Falsafah Pendidikan Menurut Ibn Khaldun dan John Dewey:Kajian Perbandingan*. Tesis Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Abdul Qayyum Abdul Razak, Noorsafuan Che Noh, Wan Kamal Mujani, Napisah Karimah Ismail & Ezad Azraai Jamsari (2009), “ Perbahasan Wang Dinar Dalam Kitab *Muqaddimah Ibnu Khaldun*” dalam *Kertas Kerja Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009* pada 27 Ogos 2009 di ILIM anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Univesiti Kebangsaan Malaysia
- Abdullah al-Amin Na’mi (terj. Ramzi Omar) (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ghazali Darussalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibnu Khaldun (2002), *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- _____ (2004), *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kaherah : Darul Fajar li Turath
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Nor Adina Abd Kadir (2005), ” Pengaruh al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu-Malaysia” dalam *Jurnal Usuluddin Bil.22*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Mohammad Abdullah Enan (2014), *Ibnu Khaldun Riwayat Hidup dan Karyanya*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Mohammad Kamil Abdul Majid & Mohd Fauzi Hamat (2005), “ Pemikiran Ibnu Khaldun Mengenai Sifat dan Amalan Negatif yang Boleh Meruntuhkan Kepimpinan Islam” dalam *Jurnal al-Tamaddun Bil.1 Disember 2005*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Noornajihan Jaafar & Abd Halim Tamuri (2012), ” Pedagogi Rasullullah SAW Dalam Pengajaran” dalam *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012, 3-6 Julai 2012* Anjuran IPG Kampus Pendidikan Islam Zon Tengah Samsinas (2009), “ Ibnu Khaldun: Kajian Tokoh Sejarah dan Ilmu-Ilmu Sosial” dalam *Jurnal Hunafa Vol. 6 No. 3, Disember 2009*, Palu : Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Palu, Indonesia
- Syahrul Riza Hamzah (2010), *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur : Scholar Mind Publishing